

SOALAN NO.: 358

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

SOALAN :

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah punca utama yang mengakibatkan penurunan harga komoditi seperti kelapa sawit dan getah di negara ini. Apakah tindakan atau cara yang telah diambil oleh kerajaan pusat untuk menangani masalah ini supaya peladang-peladang ini tidak akan mengalami kekurangan pendapatan yang serius.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga minyak sawit dan getah seperti komoditi lain yang diperdagangkan di peringkat antarabangsa, bergantung kepada penawaran dan permintaan dan pertumbuhan ekonomi global. Sejak suku tahun ketiga 2014, harga minyak sawit dan getah telah mengalami tren penurunan yang disumbangkan oleh antara lain, pertumbuhan ekonomi yang perlahan di negara-negara pengimpor utama seperti China, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat.

Dalam kes minyak sawit, peningkatan pengeluaran kacang soya dan minyak bijian yang merupakan pesaing utama, pada suku tahun ketiga 2014 telah melembabkan harga. Ini ditambah pula dengan harga minyak petroleum mentah dunia yang rendah, yang turut membantu permintaan biobahan api berdasarkan sawit.

Bagi getah pula, ianya disebabkan oleh antara lain, pertumbuhan keluaran getah di kalangan negara-negara baru seperti Vietnam dan Cambodia yang telah menyumbangkan kepada stok berlebihan dalam pasaran antarabangsa.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi memperkuatkan harga sawit dan getah, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah pun melaksanakan beberapa langkah serta merta dan jangka masa panjang bagi meminimumkan impak kejatuhan harga terutamanya kepada pendapatan para pekebun kecil.

Langkah-langkah serta merta yang telah pun dilaksanakan ialah:

- i. Meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam negara melalui peningkatan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum ke Program B7 (adunan 7% biodiesel sawit dan 93% diesel petroleum) mulai November 2014 dari Program B5. Program B7 akan menggunakan 575,000 tan minyak sawit setahun;
- ii. Mewujudkan dana Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dengan peruntukan awal kerajaan sebanyak RM100 juta. IPG akan diaktifkan apabila paras harga SMR 20 *Free On Board* (FOB) berada pada RM4.60 se kilogram (kg) dan harga *cuplumps* pada RM1.75 se kg dan ke bawah. Insentif pelaksanaan IPG adalah seperti berikut:
 - (a) RM0.30 bagi setiap kilogram *cuplumps* (50% Kandungan Getah Kering - KGK);

- (b) maksimum RM0.90 bagi setiap kilogram lateks berdasarkan peratusan KGK; dan
 - (c) maksimum RM0.60 bagi setiap kilogram getah *Unsmoked Sheet (USS)* berdasarkan KGK.
- iii. Melaksanakan mekanisme penetapan harga di ladang. Tujuannya ialah untuk mengurangkan peranan orang tengah supaya pekebun kecil mendapat harga yang munasabah dan ‘remunerative’, dengan izin. Sebanyak 64 koperasi telah bersetuju untuk melaksanakan program ini bersama Lembaga Getah Malaysia (LGM). Bagi melaksanakan program ini, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi-koperasi untuk tujuan urusniaga.

Langkah-langkah jangka masa panjang untuk memperkuatkan harga sawit dan getah termasuk:

- i. Menyediakan bantuan tanam baru dan tanam semula sawit kepada pekebun kecil. Bagi tahun 2014, Kerajaan telah menyediakan insentif sebanyak RM310.9 juta bagi tanam semula dan tanam baru sawit seluas 36,000 hektar dan RM307.2 juta bagi tanam semula dan tanam baru getah seluas 51,129 hektar. Bagi tahun 2015, insentif akan disediakan bagi tujuan tanam semula dan tanam baru sawit seluas 8,550 hektar dan bagi getah seluas 48,000 hektar.

Di bawah program ini, pekebun kecil sawit disediakan bantuan sebanyak RM7,500 sehektar di Semenanjung dan RM9,000 bagi Sabah dan Sarawak. Dalam kes tanam semula getah, bantuan yang disediakan adalah RM9,230 sehektar di Semenanjung, RM14,000 sehektar di Sabah dan RM13,500 sehektar bagi Sarawak;

- ii. Memperkuuhkan pasaran eksport sedia ada serta menembusi pasaran-pasaran baru bagi produk-produk berasaskan sawit dan getah. Pasaran-pasaran baru yang mempunyai potensi eksport bagi barang getah termasuk negara Turki dan negara-negara timur tengah manakala bagi sawit ialah Botswana, Cape Verde, Netherland Antilles dan St Vincent & The Grenadines. Industri minyak sawit negara digalakkan untuk meneroka/memperluaskan perniagaan mereka ke pasaran yang disifatkan sebagai "niche markets" untuk mendapatkan nilai pasaran yang lebih tinggi;
- iii. Meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baru. Dalam kes minyak sawit, produk-produk baru termasuk lelemak pastri, sapuan coklat, olein merah, ais krim prebiotik, gel mandian, lilin urut, sabun lut sinar, santan sawit dan cheese berasaskan sawit. Bagi getah, penggunaan baru termasuk pembinaan jalan raya menggunakan adunan getah dengan bitumen, penghasilan tayar celup menggunakan teknologi hijau ekoprena dan tikar getah kalis api di stesen kereta api bawah tanah; dan

iv. Bekerjasama dengan lain-lain negara pengeluar sawit dan getah. Ini termasuk kerjasama di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) yang melibatkan Malaysia, Indonesia dan Thailand. Ketiga-tiga negara ini menghasilkan 66% daripada pengeluaran getah asli dunia. Selain itu, bagi memperkuuhkan kerjasama di kalangan lain-lain negara pengeluar getah asli dunia, Malaysia akan menganjurkan Mesyuarat peringkat Menteri, *Association of Natural Rubber Producing Countries* (ANRPC) pada 8 Mei 2015 di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini bertujuan antara lain, untuk membincangkan kaedah mengimbangi penawaran dan permintaan getah asli dunia. Dalam hal ini, negara-negara ANRPC menghasilkan hampir 93% pengeluaran getah asli dunia.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan terus meninjau pelaksanaan langkah-langkah jangka pendek dan panjang ke arah memperkuuhkan harga komoditi sawit dan getah. Ini adalah untuk memastikan para pengusaha kedua-dua tanaman tersebut terutamanya pekebun kecil meraih faedah daripada usaha mereka.

Sekian, terima kasih.

RT32/359

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kriteria yang diperlukan oleh pelajar-pelajar lepasan Sekolah Menengah Cina Swasta untuk memohon latihan kursus perguruan. Berapakah pelajar lepasan Sekolah Menengah Cina Swasta telah Berjaya ditawarkan kursus tersebut. Adakah tindakan kementerian ingin menawarkan kursus perguruan kepada pelajar lepasan Sekolah Menengah Cina swasta dianggap Berjaya.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Syarat asas permohonan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) bagi lulusan *Unified Examination Certificate (UEC)* Ambilan Khas Jun 2014 adalah warganegara Malaysia, berumur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun 2015 iaitu lahir pada atau selepas 1995, sihat tubuh badan, aktif dalam kegiatan kokurikulum, lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperoleh sekurang-kurangnya **gred kepujian dalam Bahasa Melayu serta lulus Bahasa Inggeris dan Sejarah**. Di samping itu, terdapat syarat tambahan iaitu mesti memiliki sekurang-kurangnya **tiga (3) gred kepujian** di peringkat Sijil Senior Middle Level (*UEC-SML*).

Pengambilan calon guru PISMP lulusan UEC bagi mengikuti program perguruan di Institusi Pendidikan Guru (IPG) adalah berdasarkan unjuran keperluan guru. Untuk makluman, permohonan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) bagi lulusan UEC Ambilan Khas **Jun 2014**, IPG menerima sebanyak 14 permohonan. Bilangan yang layak menduduki Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG) adalah seramai lapan (8) orang. Daripada jumlah tersebut hanya dua (2) orang yang layak ditemuduga dan seterusnya ditawarkan setelah lulus tapisan temuduga.

RT33/360

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Wong Ling Biu [Sarakei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada sekolah-sekolah rendah yang beraliran Cina di negara ini masih kekurangan guru-guru yang beropsyen Bahasa Cina. Adakah semua sekolah-sekolah rendah yang beraliran Cina di Bahagian Sarakei tidak kekurangan guru-guru beropsyen Bahasa Cina.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Secara keseluruhan pengisian guru beropsyen Bahasa Cina di SJKC di Sarawak adalah berlebihan di mana pengisian seramai 2204 orang guru berbanding keperluan hanya sebanyak 866 orang guru. Di daerah Sarakei khasnya, tidak berlaku kekurangan guru-guru opsyen Bahasa Cina. Pengisian adalah 216 berbanding keperluan 88 orang guru.